

21/08/2000

Menteri tidak terbabit keputusan penahanan ISA

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Dalam Negeri tidak terbabit dalam membuat keputusan awal berhubung penahanan seseorang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mengikut Seksyen 73 ISA, polis mempunyai kuasa menjalankan siasatan terhadap seseorang tahanan sehingga 60 hari dan selepas tempoh itu barulah Menteri Dalam Negeri dirujuk atau menandatangani arahan penahanan sehingga dua tahun mengikut Seksyen 8 ISA.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata dalam proses siasatan mengikut Seksyen 73 itu, polis tidak perlu memberitahu Menteri Dalam Negeri.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bertanggungjawab dalam penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut ISA.

Lee dalam wawancara dengan BBC yang disiarkan oleh akhbar Straits Times semalam berkata, beliau yakin Dr Mahathir memberitahunya perkara yang sebenarnya bahawa beliau (Dr Mahathir) tidak tahu menahu Anwar akan ditahan mengikut ISA atau kes mata lebam Anwar.

Perdana Menteri menyatakan perkara itu dalam pertemuan dengan Lee di Davos tahun lalu.

Sebelum ini, bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, mengaku menyerang Anwar sehingga menyebabkan mata Anwar lebam. Rahim kemudian dihadapkan ke mahkamah.

Minggu lalu, Anwar dihukum penjara sembilan tahun kerana kesalahan meliwat. Hukuman itu akan bermula selepas dia habis menjalani hukuman penjaranya selama enam tahun kerana rasuah.

Rais berkata sebagai seorang yang berlatarbelakangkan undang-undang, Lee tentu tahu mengenai aspek undang-undang yang diperkatakannya, apa lagi undang-undang ISA Singapura dan Malaysia mempunyai persamaan.

Katanya, Menteri Dalam Negeri juga tidak terbabit dengan kes mata lebam Anwar kerana dalam proses siasatan serta penahanan pada peringkat awal, Dr Mahathir yang ketika itu Menteri Dalam Negeri, tidak perlu diberitahu polis.

"Cuma atas budi bicara, polis hanya memberitahu Menteri Dalam Negeri," katanya sambil menyatakan polis hanya menggunakan Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah (CPC) terhadap seseorang yang disyaki melakukan jenayah.

Katanya, kes mengikut ISA adalah kes yang bukan berbentuk jenayah tetapi di bawah keselamatan negara.

Namun, polis berhak menggunakan Seksyen 117 CPC atau Seksyen 8 ISA berdasarkan sesuatu kes.

(END)